

PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG PRIVASI DI ENGLAND DAN MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Marina Abdul Manap*

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa

Kolej Universiti Islam Melaka

marina@kuim.edu.my

*Corresponding author

Received Date: 25 September 2020 *Accepted Date:* 2 November 2020 *Published Date:* 1 December 2020

ABSTRAK

Hak privasi adalah hak peribadi seseorang individu yang diiktiraf oleh undang-undang di kebanyakan negara di dunia. Pelanggaran hak privasi misalnya dalam bentuk pendedahan aktiviti peribadi seseorang boleh menyebabkan kesan negatif dalam kehidupan seperti menjatuhkan maruah, menyebabkan trauma dan penderitaan tekanan mental. Di Malaysia, sungguhpun terdapat Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) yang diperkenalkan pada 10 Jun 2010, ianya tidak digubal untuk tujuan melindungi hak privasi seseorang sebaliknya Akta ini lebih memfokuskan kepada memberi perlindungan terhadap penggunaan maklumat diri seseorang bagi tujuan komersial. Penulisan ini bertujuan menjelaskan tentang hak dan perlindungan undang-undang berkaitan privasi yang terdapat di England dan Malaysia. Berdasarkan contoh-contoh kes pelanggaran hak privasi yang berlaku di kedua-dua negara, artikel ini akan mengenalpasti apakah pendirian semasa mahkamah berhubung hak privasi di kedua-dua negara ini. Selain itu, artikel ini juga turut membandingkan perkembangan undang-undang berkaitan hak privasi di Malaysia dan England. Kajian ini dihasilkan dengan menganalisis pelbagai teks seperti kes-kes, statut, jurnal, laporan dan buku-buku. Berdasarkan kajian ini, terdapat keperluan untuk mewujudkan suatu perundangan khusus berkaitan hak privasi sebagai mekanisme perlindungan yang lebih berkesan.

Kata kunci: *Privasi, Undang-undang Privasi, Hak dan perlindungan privasi*

ABSTRACT

THE DEVELOPMENT OF PRIVACY LAW IN ENGLAND AND MALAYSIA: AN OVERVIEW

Right of privacy is the personal right of an individual that recognized by law in most countries in the world. Invasion of privacy rights for example, in the form of disclosure of personal activities can caused negative effects in life such as degrading dignity, causing trauma and suffering from mental stress. In Malaysia, although there is Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) has been introduced on 10 June 2010, this Act is not enacted for the purpose of protecting individual privacy rights. Instead, this Act is more focused on providing protection against the use of personal information for commercial purposes. This writing aims to explain on the rights to privacy and related legal protections available in England and Malaysia. Based on the examples of several cases on invasion of privacy rights occurred in both countries, this article will identify current standing of the courts regarding privacy rights in both countries. In addition, this article also compares law development of privacy rights in Malaysia and England. This study was produced by analysing various texts such as cases, statutes, journals, reports and books. Generally, there is a need of specific legislation on privacy rights as one of effective protection mechanism.

Keywords: Privacy, privacy law, right and protection of privacy

PENDAHULUAN

Setiap orang mempunyai hak asasi dalam kehidupan. Hak-hak ini dinyatakan dengan jelas misalnya sebagai rakyat Malaysia, di dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan mengenai hak-hak asasi ini dinyatakan dalam Perkara 5 hingga 13 dalam Perlembagaan Persekutuan meliputi kebebasan asasi, hak beragama, hak sama rata, kebebasan bergerak, kebebasan berhimpun, kebebasan mengeluarkan pendapat dan hak terhadap harta. Hak untuk memiliki privasi juga merupakan suatu hak asas yang perlu dimiliki oleh seseorang individu. Ia memberikan ruang kepada seseorang individu untuk menjalani kehidupan secara bebas tanpa rasa takut kepada pendedahan yang keterlaluan dan menjadi bahan untuk dimalukan. Di Malaysia juga tidak terkecuali, banyak berlaku kes-kes yang melibatkan isu pelanggaran hak privasi tidak kira samada melibatkan individu biasa mahupun figura tumpuan awam yang ternama.

Secara umumnya, Perlembagaan Persekutuan Malaysia tidak memperuntukkan secara spesifik hak terhadap privasi. Menurut satu kes yang diputuskan pada tahun 2010 iaitu kes *Sivarasa Rasiah lwn Badan Peguam Malaysia & Seorang lain [2010] 3 CLJ 507*, Mahkamah Persekutuan dalam kes ini telah memutuskan bahawa hak kebebasan diri yang diperuntukan dalam Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah turut meliputi hak terhadap privasi bagi seseorang individu. Berdasarkan keputusan tersebut dapatlah difahami bahawa mahkamah di Malaysia telahpun memberi pengiktirafan terhadap hak privasi sebagai suatu hak asas yang perlu diiktiraf dan diberi perlindungan undang-undang di negara ini. Penulisan ini bertujuan menjelaskan tentang hak terhadap privasi dan perlindungan undang-undang berkaitannya yang terdapat di negara ini dan mengenalpasti apakah pendirian semasa mahkamah berhubung hak privasi di Malaysia. Artikel ini juga turut melihat perkembangan undang-undang privasi di United Kingdom sebagai perbandingan dengan undang-undang privasi di Malaysia.

Menurut Prof. Dato Salleh Buang, seorang pakar undang-undang dan ahli akademik, isu pelanggaran hak privasi di Malaysia adalah berkaitan dengan masalah sebahagian besar masyarakat di negara ini yang masih lagi tidak mempunyai kefahaman jelas tentang undang-undang privasi. Menurut beliau lagi, sungguhpun jika terdapat sedikit kefahaman mengenai kewujudan undang-undang berkaitan perlindungan privasi, hukuman yang diperuntukkan bagi kes-kes pelanggaran privasi adalah tidak mencukupi sehingga menyebabkan masyarakat tidak sedikitpun menunjukkan rasa takut untuk terus melakukan perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengan kesalahan pelanggaran hak asasi (Salleh Buang, Mac 2019). Sehubungan dengan itu, artikel ini cuba memberi kefahaman kepada masyarakat umum dan melihat apakah pendirian mahkamah berhubung kes-kes pelanggaran privasi yang berlaku di Malaysia. Perkembangan undang-undang privasi di United Kingdom membolehkan kita memahami isu-isu dan cabaran-cabaran semasa yang bakal dihadapi serta melihat kepada keperluan untuk mempunyai suatu perundangan khusus berkaitan isu pelanggaran privasi individu. Akhirnya, pengetahuan meluas tentang kesan pelanggaran hak privasi dan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan tersebut diharapkan dapat memberi lebih kesedaran kepada masyarakat untuk lebih menghormati hak privasi individu dan seterusnya mempromosi kehidupan yang sejahtera dan saling menghormati dalam kalangan masyarakat di negara ini.

MAKSUD DAN JENIS-JENIS PRIVASI

Hak privasi diiktiraf oleh Islam contohnya menurut Muhammad dan Husni, penggunaan beberapa istilah seperti ‘*al hayat*’, ‘*al khassah*’ dan ‘*al khususiyah*’ menunjukkan konsep privasi wujud dan diterima sebagai hak atau situasi bersendiri tanpa sebarang gangguan (Zahari Mahad Musa, 2013). Menurut *Macmillan Dictionary*, privasi secara amnya bermaksud kebebasan untuk melakukan sesuatu perkara tanpa menjadi perhatian atau diketahui oleh orang lain. Warren dan Brandeis merujuk hak terhadap privasi bermaksud setiap individu mempunyai hak untuk memilih untuk berkongsi atau tidak berkongsi dengan pihak lain apa-apa maklumat tentang dirinya, kehidupan peribadi, kebiasaan, perlakuan dan perhubungan (Dorothy J. Glancy, 1979). Menurut *Calcutt Committee*, privasi adalah hak individu yang perlu diberi perlindungan daripada pencerobohan ke atas kehidupan atau urusan peribadi atau keluarga samada secara fizikal ataupun melalui penyiaran (Peter F. Carter-Ruck, 1990).

Berdasarkan takrifan di atas, privasi adalah merupakan hak dan berkait rapat dengan maklumat yang bersifat peribadi. Pada umumnya, ia boleh dibahagikan kepada tujuh (7) jenis seperti berikut:

- i) Privasi berkaitan fizikal seseorang – berkaitan tubuh fizikal seperti data biometrik, implan dan peralatan pengesan elektronik, dan sebagainya.
- ii) Privasi berkaitan perlakuan dan tindakan – berkaitan maklumat yang memberi gambaran tentang tingkah laku dan gaya hidup seseorang seperti tabiat, pegangan agama, politik dan seksualiti.
- iii) Privasi berkaitan komunikasi peribadi – intip dengar, e-mel, aplikasi mesej seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Instagram* dan lain-lain.
- iv) Privasi berkaitan data dan imej – berkaitan pengawasan oleh kamera litar tertutup, imej dan video dalam rangkaian sosial, teknik pengecaman muka secara automatik dan sebagainya.
- v) Privasi berkaitan kepercayaan dan perasaan – berkaitan penggunaan teknologi untuk menjangkakan keadaan mental seseorang melalui analisis wajah-suara/isyarat dan lain-lain.

- vi) Privasi berkaitan ruang dan lokasi – maklumat berkaitan lokasi atau keberadaan seseorang seperti pengawasan kamera, pengesahan melalui *GPS*, *Wifi* dan *Bluetooth*.
- vii) Privasi dalam keahlian mana-mana kumpulan atau pertubuhan – berkaitan isu penyertaan dalam komuniti, kumpulan, individu dan rangkaian sosial lainnya (Rachel L. Finn, David Wright & Michael Friedewald, 2013).

PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN HAK PRIVASI

Pada peringkat awal di England, undang-undang berkaitan privasi dikatakan telah wujud seawal tahun 1361 apabila *The Justice of the Peace Act 1361* diperkenalkan bagi tujuan menangkap “*peeping tom*” dan “*eavesdropper*” yang melakukan kesalahan “*breach of the peace*”. Konsep hak privasi menjadi popular pada tahun 1890 apabila Samuel Warren dan Louis Brandeis menulis esei yang diterbitkan oleh *Harvard Law Review* berjudul “*The Right to Privacy*”. Melalui penulisan tersebut, mereka memperkenalkan “*right to be let alone*” sebagai hak asasi yang patut dinikmati oleh semua orang dan perlu diberikan perlindungan undang-undang (Sinta Dewi Yustisia, 2016).

Hak terhadap privasi kemudiannya menjadi hak asasi melalui Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (*Universal Declaration of Human Rights 1948*). Seterusnya, Konvensyen Perlindungan Hak-hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asasi 1950 (*Convention for the Protection of Human Rights & Fundamental Freedoms 1950*) diperkenalkan bagi mempromosikan hak privasi dan kebebasan hidup tanpa gangguan pihak berkuasa melainkan terdapatnya pelanggaran undang-undang. Pada tahun 1966, Perjanjian Antarabangsa Hak-Hak Sivil dan Politik 1966 (*International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) 1966*) memperuntukkan perlindungan daripada gangguan privasi terhadap diri, keluarga, tempat tinggal dan perhubungan juga termasuk serangan maruah dan reputasi (Tom Head, 2019).

Di Amerika Syarikat, James Madison mencadangkan *The Bill of Rights Guarantees* pada tahun 1789 yang memperuntukkan perlindungan dan hak seseorang terhadap diri, kediaman, dokumen dan apa-apa kesan lain daripada penyiasatan dan rampasan secara tidak munasabah (Tom Head, 2019). Mahkamah Agung mula mengiktiraf hak terhadap privasi melalui kes *Griswold lvn Connecticut (1965) 381 U.S 479* di mana mahkamah mengiktiraf penggunaan alat kontraseptif oleh pasangan berkahwin adalah hak privasi menurut perlembagaan. Perkembangan undang-undang privasi di mahkamah semakin berkembang melalui tuntutan hak privasi terhadap tindakan pengguguran kandungan dalam kes *Roe lvn Wade (1973) 410 U.S 113*, perbuatan mengintip dengar perbualan telefon dalam kes *Katz lvn United States (1967) 389 U.S 437* dan kes sodomi dalam kes *Lawrence lvn Texas (2003) 539 U.S 558*. Pada tahun 1974, Akta Privasi 1974 diluluskan bagi memperkenalkan *Code of Fair Information Practice* yang memberi perlindungan terhadap akses rekod maklumat peribadi.

Kesedaran umum berhubung hak privasi mula meluas sekitar pertengahan tahun 1970 di beberapa negara di dunia yang mula menguatkuasakan undang-undang perlindungan privasi. Pada masa tersebut, kebanyakkan undang-undang yang digubal adalah berkaitan mempromosikan perlindungan hak privasi khususnya berkaitan isu data peribadi merentasi sempadan negara. Perundangan yang digubal adalah berpandukan kepada model undang-undang yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan dan Majlis Mesyuarat Eropah (*Organization for Economic Cooperation and Development and the Council of Europe*) (oecd.org/sti/ieconomy/privacy.htm). Pada tahun 1998, *Human Rights Act 1998* diperkenalkan dan melalui Artikel 8(1) *European Convention on Human Rights* hak

untuk menghormati kehidupan peribadi dinyatakan sebagai salah satu perlindungan.

HAK PRIVASI DAN PERLINDUNGAN MENURUT UNDANG-UNDANG INGGERIS

Perkembangan dunia teknologi moden hari ini bukan sahaja menjadikan masyarakat bergantung kepada teknologi digital dalam berkomunikasi dan menjalankan aktiviti harian, malahan terdapat kecenderungan untuk berlakunya pendedahan maklumat dan pencerobohan dalam kehidupan peribadi seseorang. Pelanggaran hak privasi boleh kepada sesiapa sahaja tidak mengira samada individu itu tidak dikenali umum apatah lagi golongan yang ternama dan menjadi tumpuan awam seperti selebriti, ahli politik, profesional, ikon sesuatu bidang dan sebagainya. Seiring dengan perkembangan ini, isu berkaitan privasi dan perlindungan keselamatan data peribadi mula menjadi dilemma misalnya dalam hal berkaitan penggunaan data peribadi oleh pengiklan, pemasar, penganalisis, penyedia perkhidmatan dan lain-lain. Selain itu, isu berkaitan pendedahan aktiviti atau maklumat yang mengganggu privasi individu juga adakalanya berlaku di luar batasan sehingga menimbulkan aib dan menjatuhkan maruah seseorang berpunca daripada keghairahan pihak-pihak tidak bertanggungjawab dalam berkongsi maklumat di alam maya (Mazmalek Mohamad, 2016)

Hak dan perlindungan menurut Undang-undang Tort

Sebelum *Human Rights Act 1998* diperkenalkan, tidak terdapat suatu perundangan yang khusus bagi melindungi hak privasi seseorang di England. Perlindungan undang-undang diperolehi melalui aplikasi secara tidak langsung hak-hak tertentu di bawah Undang-undang Tort seperti Kacauganggu Persendirian, Pencerobohan Tanah, Fitnah dan *Malicious Falsehood*. Contohnya, dalam kes *Kaye lwn Robertson [1991] F.S.R 62*, Gorden Kaye, aktor terkenal sebuah sitcom televisyen telah dimasukkan ke sebuah hospital kerana terlibat dalam suatu kemalangan. Dia menerima rawatan intensif di hospital berkenaan dan terdapat notis khas yang bertujuan untuk mengelakkan menerima kunjungan pelawat. Seorang wartawan dan jurukamera dari akhbar *Sunday Sport* telah memasuki bilik rawatan Kaye dan mengambil gambarnya dengan menggunakan *flash camera*. Gambar tersebut disiarkan dengan dakwaan bahawa “temubual” berkenaan telahpun mendapat keizinan daripada Kaye. Dalam menentukan kesalahan yang dilakukan oleh pihak akhbar, Mahkamah Rayuan telah menggunakan perlindungan di bawah *Malicious Falsehood*. Dalam penghakimannya, Bingham LJ menyatakan:

“ this case nonetheless highlights, yet again, the failure of both the common law of England and statute to protect in an effective way the personal privacy of individual citizens ”

Umumnya, Undang-undang Inggeris memberikan perlindungan secara tidak langsung dan terhad di bawah Undang-undang Tort. Perlindungan maklumat peribadi seseorang daripada perbuatan salahguna atau pendedahan yang tidak dibenarkan oleh pemilik maklumat adalah melalui “*Doctrine of Breach of Confidence*” yang memberikan remedii melalui ekuiti (Catherine Elliot & Frances Quinn, 2015). Berdasarkan doktrin ini, seseorang yang menerima maklumat yang mana dia bersetuju atau menyedari bahawa ianya adalah sulit, mempunyai tugas di sisi undang-undang, untuk mengelakkan maklumat tersebut daripada didedahkan kepada pihak lain.

Dalam kes *Argyll lwn Argyll (1967) Ch 302*, Duke of Argyll telah dihalang daripada menyiar maklumat peribadi berkaitan konflik perkahwinannya atas dasar setiap pasangan berkahwin mempunyai tugas di sisi undang-undang berkaitan perkara sulit dan kerahsiaan. Bekas isterinya berjaya memperolehi remedii ekuiti iaitu injunksi yang menghalang penyiaran maklumat sulit berkaitan kehidupan berumahtangga mereka oleh pihak suami. Berdasarkan kes ini, nampaknya mahkamah menggunakan *breach of confidence* sebagai perlindungan dalam penyiaran maklumat bersifat peribadi. Apa yang jelas, konsep ini boleh dijadikan perlindungan undang-undang sekiranya tugas untuk menjaga maklumat dan kerahsiaan dapat dibuktikan melalui ikatan perhubungan pihak-pihak terlibat. Pemakaian konsep ini juga hanya tertumpu kepada perlindungan maklumat untuk tujuan komersial dan pemakaian yang terhad bagi hal-hal melibatkan rahsia peribadi seperti perkahwinan (Kirsty Horsey & Erika Rackley, 2019).

Lord Goff dalam kes *Attorney General lwn Guardian Newspapers Ltd [No 2] [1990] 1 AC 109* menegaskan mengenainya seperti berikut:

“a duty of confidence arises when confidential information comes to the knowledge of a person...in circumstances where he has notice, or is held to have agreed, that the information is confidential, with the effect that it would be just in all the circumstances that he should be precluded from disclosing the information to others.”

Bagi membolehkan tindakan diambil di bawah *Breach of Confidence*, menurut kes *Coco lwn A N Clark (1969) RPC 41*, beberapa elemen berikut perlu dipenuhi:

- i) Terdapatnya maklumat yang mempunyai elemen persendirian dan sulit;
- ii) Defendan mestilah dibuktikan mempunyai obligasi untuk menjaga maklumat sulit itu (*under an obligation of confidence*); dan
- iii) Defendan telah melakukan penggunaan maklumat tanpa kebenaran.

Hakim Megarry dalam kes ini memberi penekanan terhadap kepentingan elemen sulit dan persendirian dengan menyatakan bahawa sesuatu yang merupakan pengetahuan awam tidak secara *per se* boleh menjadi asas untuk suatu prosiding *Breach Of Confidence*.

Dalam kes *Attorney General lwn Guardian Newspapers Ltd [No 2] [1990] 1 AC 109*, Lord Goff menegaskan bahawa kewujudan hubungan awal antara dua pihak bukanlah merupakan suatu keperluan untuk dibuktikan dalam konsep *Breach of Confidence* sebaliknya tugas untuk menjaga kerahsiaan itu wujud apabila seseorang itu menerima maklumat yang mana dia bersetuju atau menyedari bahawa maklumat itu adalah sesuatu yang sulit untuk didedahkan. Sebelum kewujudan *Human Rights Act 1998*, *Breach of Confidence* menjadi sandaran terhad untuk perlindungan undang-undang berkaitan pelanggaran hak privasi sungguhpun ia lebih memfokuskan kepada tindakan berkaitan pendedahan maklumat untuk tujuan komersial. Kewujudan Akta berkenaan kemudian menimbulkan persoalan apakah Undang-undang Inggeris kini bersedia untuk mewujudkan satu konsep kesalahan khusus Tort Pelanggaran Privasi.

Hak dan perlindungan undang-undang menurut *Human Rights Act 1998*.

Human Rights Act 1998 (HRA 1998) dikuatkuasakan di England and Wales pada Oktober 2000 dan memberikan kesan undang-undang terhadap hak-hak yang dinyatakan dalam *European Convention on Human Rights (ECHR)*. Berdasarkan Seksyen 6 *HRA 1998*, mahkamah

dikehendaki untuk bertindak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam *ECHR*. Hak berkaitan privasi misalnya dinyatakan dalam Perkara 8 Konvensyen yang berbunyi:

- “ (1) *Everyone has the right to respect for his private and family life, his home and his correspondence.*
- (2) *There shall be no interference by a public authority with the exercise of this right except such as is in accordance with the law and is necessary in a democratic society in the interests of national security, public safety or the economic well-being of the country, for the prevention of disorder or crime, for the protection of health or morals, or for the protection of the rights and freedoms of others.”*

Melalui peruntukan ini, hak terhadap privasi diiktiraf sungguhpun Perkara 8 ini perlu dibaca dengan pertimbangan bersama terhadap peruntukan Perkara 10 *ECHR* yang memberi perlindungan terhadap kebebasan menyatakan pandangan seperti berikut:

- “ (1) *Everyone has the right to freedom of expression. This right shall include freedom to hold opinions and to receive and impart information and ideas without interference by public authority and regardless of frontiers. This Article shall not prevent States from requiring the licensing of broadcasting, television or cinema enterprises.*
- (2) *The exercise of these freedoms, since it carries with it duties and responsibilities, may be subject to such formalities, conditions, restrictions or penalties as are prescribed by law and are necessary in a democratic society, in the interests of national security, territorial integrity or public safety, for the prevention of disorder or crime, for the protection of health or morals, for the protection of the reputation or the rights of others, for preventing the disclosure of information received in confidence, or for maintaining the authority and impartiality of the judiciary.”*

Peruntukan Perkara 8 dalam Konvensyen ini yang diterjemahkan melalui *Human Rights Act 1998* telah menimbulkan persoalan berkaitan apakah ianya cukup untuk memberikan hak dan perlindungan undang-undang terhadap privasi dalam keadaan pertembungan hak sering berlaku melalui kebebasan menyatakan dan mengetahui mengenai sesuatu perkara yang diperuntukkan dalam Perkara 10 Konvensyen. Isu timbul samada mahkamah perlu memperkenalkan suatu kesalahan Tort baru yang khusus memberikan perlindungan daripada sebarang aktiviti pelanggaran hak privasi. Sehingga kini nampaknya Mahkamah di England masih lagi belum mencipta suatu Tort khusus berkaitan pelanggaran privasi.

Keadaan ini dinyatakan dengan jelas dalam kes *Wainwright lwn Home Office [2002] QB 1334*, seorang ibu dan anak lelakinya mengalami gangguan psikiatri apabila terpaksa berhadapan dengan prosedur pemeriksaan dengan cara menanggalkan pakaian ketika ingin melawat seorang lagi anaknya di penjara. Mereka mengambil tindakan antara lainnya adalah berkaitan dengan pelanggaran privasi. Mahkamah memutuskan bahawa tidak terdapat suatu

hak terhadap privasi yang khusus di bawah undang-undang Tort sebaliknya perlindungan undang-undang boleh diperolehi melalui Tort sedia ada seperti *Breach of Confidence* yang melindungi maklumat peribadi dan Tort Pencerobohan yang memberi perlindungan terhadap tubuh badan dan harta seseorang.

Lord Hoffman dalam kes tersebut menolak idea untuk mewujudkan Common Law berkaitan Tort Pelanggaran Privasi dengan menegaskan bahawa perkembangan undang-undang mengenai isu ini adalah peranan Parlimen Inggeris. Hakim berpendapat bahawa sebarang tuntutan terhadap pihak berkuasa berkaitan isu privasi bolehlah dibuat di bawah *HRA 1998*. Oleh yang demikian, menurut beliau, bukanlah suatu keperluan untuk memperkenalkan kesalahan Tort Pelanggaran Privasi bagi memenuhi keperluan Perkara 8 *European Convention on Human Rights (ECHR)*. Kes ini kemudiannya dicabar di *European Court of Human Rights* dan mahkamah tersebut memutuskan bahawa tindakan pihak penjara berkenaan adalah melanggar Perkara 8 yang menjamin hak privasi terhadap kehidupan peribadi. Jelas bahawa pendirian dalam kes *Wainwright* ini adalah penolakan mahkamah untuk mewujudkan suatu Tort khusus berkaitan pelanggaran privasi. Satu perkara lagi, tuntutan kes ini di bawah *HRA 1998* dan hanya terpakai bagi pihak berkuasa dan bukannya terhadap orang awam (Paula Giliker, 2017).

PERKEMBANGAN TERKINI DI MAHKAMAH INGGERIS

Pada tahun 2001, berdasarkan perkembangan semasa dan peruntukan Perkara 8 *European Convention on Human Rights (ECHR)*, mahkamah mula memperluaskan pemakaian *Tort Breach of Confidence* kepada kesalahan menyalahgunakan maklumat sulit. Kausa tindakan berdasarkan *Breach of Confidence* kini bukan sahaja bagi tuntutan antara individu, tetapi juga terhadap badan bukan kerajaan seperti pihak akhbar, media dan yang berkaitannya (G. Phillipson, 2003). Lord Nicholls dalam kes *Campbell lwn Mirror Group Newspapers [2004] AC 457* menjelaskan:

“The time has come to recognise that the values enshrined in articles 8 and 10 now part of the cause of action for breach of confidence....The values embodied in article 8 and 10 are as much applicable in disputes between individuals or between an individual and a non-governmental body such as a newspaper as they are in disputes between individuals and a public authority.”

Dalam kes *Campbell lwn Mirror Group Newspapers [2004] AC 457*, Naomi Campbell, supermodel terkenal mengambil tindakan berdasarkan *Breach of Confidence* terhadap akhbar *The Daily Mirror* yang menyiarkan tanpa kebenaran, maklumat dan gambar-gambar beliau menghadiri perjumpaan *Narcotic Anonymous* untuk merawat masalah ketagihan dadah. Pihak akhbar menghujahkan bahawa tindakan mereka adalah berdasarkan kepentingan awam untuk memperbetulkan penafian sebelum ini yang telah dibuat oleh supermodel berkenaan. House Of Lords membernarkan sejumlah ganti rugi terhadap Naomi selepas mempertimbangkan bahawa penyiaran maklumat berkenaan adalah untuk memperbetulkan penafian yang telah dibuat sebelumnya tentang masalah ketagihan dadah namun mahkamah berpendapat bahawa maklumat terperinci tentang rawatan dan gambar-gambar Naomi meninggalkan perjumpaan tersebut tidak wajar disiarkan. Mahkamah berpendapat maklumat perubatan adalah sulit dan penyiaran gambar-gambar tersebut membolehkan orang ramai mengetahui di mana Naomi mendapatkan rawatan ketagihan dadah dan hal ini boleh membawa kesan negatif terhadap proses rawatannya.

Melalui kes ini, perubahan berlaku dalam tuntutan *breach of confidence* di mana privasi khususnya penyalahgunaan maklumat sulit menjadi suatu pertimbangan dalam tuntutan undang-undang Tort. Lord Nicholls dalam kes berkenaan menyatakan:

"The Common law or, more precisely, courts of equity have long afforded protection to the wrongful use of private information by means of the cause of action which became known as breach of confidence.... This cause of action has now firmly shaken off the limiting constraint of the need for an initial confidential relationship. In doing so it has changed its nature...Now the law imposes a 'duty of confidence' whenever a person receives information he knows or ought to know is fairly and reasonably to be regarded as confidential...the more natural description today is that such information is private".

Kes ini juga memperlihatkan kecenderungan mahkamah memberi perlindungan terhadap perbuatan mendedahkan atau menyalahgunakan maklumat peribadi yang bersifat sulit dan bukannya terhadap semua hak privasi yang ada. Selain itu, tanggungan undang-undang juga dikatakan hanya wujud apabila maklumat yang didedahkan itu adalah maklumat yang sulit dan peribadi bukannya maklumat yang bersifat umum. Timbul persoalan misalnya bilakah suatu maklumat itu dianggap sulit khususnya apabila melibatkan seorang figura awam yang tentunya banyak hal berkaitan dirinya perlu dikongsi dengan umum dan bukan merupakan rahsia peribadi. Lord Hope dalam kes ini menyatakan ujian bagi menentukan hal ini adalah melihat kepada apakah tujuan penyiaran maklumat sulit tersebut sesuatu yang sah menurut undang-undang dan samada faedah yang diperolehi dari penyiaran maklumat sulit itu berkadar dengan mudarat yang diakibatkan dari pelanggaran hak privasi berkenaan.

Pertembungan antara hak untuk menghormati privasi (Perkara 8 Konvensyen) dan kebebasan menyatakan pandangan (Perkara 10 Konvensyen) sering mencetus dilemma kepada badan kehakiman. Dalam kes *McKennitt lwn Ash [2008] Q.B 73*, Loreena McKennitt memohon injunksi atas pelanggaran hak privasi atau *confidence* ke atas dirinya oleh seorang sahabatnya Niema Ash, yang telah mendedahkan beberapa perkara peribadinya dalam buku beliau berjudul *Travels with Loreena McKennitt*. Niema Ash pula mendakwa permohonan injunksi tersebut akan menghalang haknya untuk menceritakan kisah dirinya termasuklah hal persahabatan mereka berdua. Mahkamah Rayuan dalam kes berkenaan perlu memutuskan dua persoalan utama iaitu:

- i) Adakah maklumat peribadi yang didedahkan itu meliputi prinsip yang dilindungi oleh Perkara 8? Jika ya,;
- ii) Keperluan mengimbangi kepentingan pemilik maklumat peribadi tersebut dengan hak untuk bebas menyatakan sesuatu di pihak penulis berdasarkan Perkara 10.

Ujian menentukan persoalan ini dikenali sebagai ujian dua peringkat dan ianya bergantung kepada keadaan kes untuk menentukan apakah maklumat yang disiarkan itu bersifat peribadi dan sulit (pihak menuntut mempunyai jangkaan privasi secara munasabah) dan mengimbangi hak untuk menghormati privasi seseorang dengan kebebasan untuk menyatakan pandangan (adakah hak terhadap privasi lebih penting daripada kebebasan menyatakan pandangan). Mahkamah Rayuan dalam kes *Douglas lwn Hello! Ltd (No.3) [2005]*

EWCA Civ 595 menentukan maklumat peribadi sebagai:

“What is the nature of ‘private information’? It seems to us that it must include information that is personal to the person who possess it and that he does not intend shall be imparted to the general public. The nature of the information, or the form in which it is kept, may suffice to make it plain that the information satisfies these criteria.”

Mahkamah juga membuat penentuan mengenainya berdasarkan beberapa faktor sepetimana yang dinyatakan dalam kes *Murray lwn Express Newspapers plc (2008) 3 WLR 1360* berikut:

“..the question whether there is a reasonable expectation of privacy is a broad one, which takes account of all the circumstances of the case. They include the attributes of the claimant, the nature of the activity in which the claimant was engaged, the place at which it was happening, the nature and purpose of the intrusion, the absence of consent and whether it was known or could be inferred, the effect on the claimant and the circumstances in which and the purposes for which the information came into the hands of the publisher”.

Jangkaan privasi secara munasabah dapat dibuktikan dengan jelas dalam keadaan keadaan tertentu misalnya berkaitan kesan pendedahan maklumat sulit itu terhadap pengadu. Dalam kes *Terry v Persons Unknown (2010) EMLR 16*, mahkamah mendapati pendedahan maklumat tentang hubungan intim seorang bintang bola sepak dengan bekas teman wanita salah seorang ahli pasukan England yang lain tidaklah secara khususnya memberi tekanan kepada pengadu sebaliknya kesan sebenar yang mungkin dialami adalah dari sudut melindungi kepentingan komersial dirinya dalam hal penajaan dan pengiklanan. Dalam mengimbangi Perkara 8 dan Perkara 10 pula, mahkamah mengamalkan pendekatan menerima hujahan pendedahan maklumat privasi dibuat adalah untuk kepentingan awam yang sah.

Dalam kes *Van Hannover lwn Germany (No. 2) (2012) 55 E.H.R.R 15*, mahkamah memutuskan bahawa penyiaran sekeping gambar puteri Monaco, Puteri Caroline yang bercuti ketika ayahandanya, Putera Rainier sedang gering tidak melanggar hak privasi menurut Perkara 8. Mahkamah berpendapat ia adalah sesuatu yang berkait rapat dengan kepentingan sah masyarakat untuk mengetahui bagaimana anak-anak Putera Rainier menangani kewajipan mengekalkan ikatan kekeluargaan mereka. Selain itu, mahkamah juga menegaskan keperluan agar pemakaian Perkara 10 perlulah disesuaikan dengan Perkara 8 sepetimana dalam kes pada tahun 2011, *CTB lwn News Group Newspapers [2011] All ER [D] 183* di mana mahkamah memutuskan bahawa seseorang itu mempunyai kebebasan untuk melaksanakan haknya di bawah Perkara 10 dengan menjual kisah kehidupannya kepada pihak penerbit namun hak tersebut mestilah tidak mencerobohi hak peribadi mana-mana pihak lain.

Mahkamah kini menerima dua jenis tuntutan tort iaitu perlindungan terhadap hak privasi dan perlindungan daripada penyalahgunaan maklumat peribadi terutamanya maklumat dianggap sulit. Mahkamah Tinggi dalam kes *Vidal-Hall and Others lwn Google Inc [2014] EWHC 13* mengesahkan bahawa terdapat dua kausa tindakan berbeza untuk melindungi dua kepentingan iaitu privasi dan maklumat rahsia (sulit). Mahkamah dalam kes ini juga menerima penyalahgunaan maklumat peribadi sebagai suatu kesalahan Tort. Secara ringkasnya, perkembangan undang-undang privasi di England memperlihatkan bahawa kebelakangan ini mahkamah cenderung untuk mengiktiraf hak privasi khusus melalui tuntutan Tort berkaitan

penyalahgunaan maklumat peribadi atau sulit.

HAK DAN PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG MENGENAI PRIVASI DI MALAYSIA

Isu berkaitan pelanggaran hak privasi juga tidak terkecuali dan sering berlaku di Malaysia. Banyak kes dilaporkan melibatkan penyiaran maklumat, gambar dan rakaman individu yang dikenali ramai dan pendedahan yang dibuat *lazimnya mengaibkan*. Sebagai contoh, bekas Permaisuri Agong Siti Aishah Abdul Rahman telah memfailkan saman terhadap pakar paranormal Syed Abdullah Hussein Al-Attas (Uncle Seekers) kerana telah bertindak melanggar maklumat peribadi baginda. Defendan dalam kes ini didakwa telah menyiaran coretan peribadi berkaitan hubungan cinta mereka dan memuat naik beberapa keping gambar mereka dalam keadaan intim. Permohonan injunksi dibuat bagi menghalang pendedahan maklumat tentang Plaintiff samada secara lisan, dalam blog-blog, akhbar mahupun melalui mana-mana wakil (mstar.com.my, 2010).

Terdahulu darinya, terdapat satu kes dilaporkan melibatkan Menteri Kesihatan (ketika itu) Dr. Chua Soi Lek yang menjadi mangsa pencerobohan privasi apabila rakaman *DVD* hubungan seks beliau dengan seorang kenalan wanita telah disebarluaskan kepada umum (thestar.com.my, 2008). Seorang doktor junior sebuah hospital di Johor Bahru juga dilaporkan melakukan pelanggaran hak privasi dengan merakam gambarnya sambil menunjukkan isyarat “peace” di sisi seorang pesakit wanita yang dalam posisi bersalin hingga menampakkan aurat wanita tersebut. Gambar berkenaan kemuadiannya mengundang perhatian dan kecaman apabila tersebar di laman *Facebook* (Kohilah Sekaran, 2015).

Sama seperti negara-negara lain, isu pelanggaran hak privasi ini ditangani dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang yang mengiktiraf hak terhadap privasi sebagai hak asasi setiap individu. Sebagai sebuah sistem kehakiman yang menerima pengaruh perundangan Inggeris, mahkamah di negara ini merujuk kepada pendekatan yang diambil oleh mahkamah Inggeris dalam kes-kes yang telah diputuskan selain daripada statut yang sedia ada dalam menyelesaikan kes-kes berkaitan privasi. Tindakan undang-undang diambil berdasarkan pelbagai cabang undang-undang seperti *Breach of Confidence*, *Defamation* dan penyalahgunaan maklumat peribadi.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia tidak memperuntukkan secara jelas berkaitan hak terhadap privasi seperti mana peruntukan hak terhadap harta, kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat, kebebasan berhimpun dan sebagainya. (Perlembagaan Persekutuan, 2019). Namun pengiktirafan mengenainya jelas dizahirkan dalam kes *Sivarasa Rasiah v Badan Peguam Malaysia & Anor [2010] 3 CLJ 507* dimana diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa hak privasi diiktiraf sebagai hak asasi seperti mana yang diperuntukkan dalam Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan. Melalui pengiktirafan ini tindakan berkaitan pelanggaran hak privasi akan dibuat dengan merujuk kepada beberapa peruntukan perundangan yang terdapat di Malaysia. Hal ini disebabkan Malaysia juga tidak mempunyai suatu akta khusus mengenai hak privasi melainkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (*Personal Data Protection Act (PDPA) 2010*).

Akta ini diperkenalkan kepada umum oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia ketika itu, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada 15 November 2010. Akta ini merupakan perundangan khusus untuk mencegah penyalahgunaan data peribadi orang awam untuk tujuan

komersial oleh pelbagai sektor seperti komunikasi, perbankan dan institusi kewangan, insurans, pelancongan, kesihatan dan sebagainya. Ia diluluskan oleh Parlimen pada April 2010 bagi tujuan menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di negara ini (mstar.com.my. 2013). Pemakaian Akta PDPA ini adalah terhadap semua individu dan organisasi yang memproses data peribadi dalam urusan mereka dan ianya tidak termasuk kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

Pemakaian PDPA 2010 ini adalah terhad kepada urusan berkaitan data peribadi seperti nama, alamat, nombor telefon, nombor passport, maklumat kesihatan, gambar dan imej rakaman CCTV yang digunakan untuk tujuan komersial sedangkan perlindungan terhadap hak privasi untuk tidak diganggu dalam menjalani kehidupan sendiri mahupun keluarga tidak diliputi oleh peruntukan Akta ini. Oleh yang demikian masyarakat umum seharusnya memahami bahawa PDPA 2010 suatu perundangan yang mempunyai pemakaian terhad dan bukannya merupakan perundangan untuk perlindungan hak privasi dalam konteks “*right to be left alone*” dan hak untuk hidup bebas dari gangguan pihak lain secara amnya.

Mahkamah di negara ini mempunyai pandangan yang berbeza berhubung hak untuk mengambil tindakan dalam pelanggaran privasi. Pada peringkat awalnya mahkamah tidak mengiktiraf privasi sebagai suatu hak. Dalam kes Ultra Dimension Sdn Bhd lwn Kook Wei Kuan [2001] MLJU 751, Perayu telah mengambil gambar sekumpulan kanak-kanak tadika dan menyiarkannya dalam suatu iklan di dua akhbar tempatan. Responden mengambil tindakan undang-undang terhadap Perayu atas alasan tindakan Perayu tersebut telah melanggar privasi Respondent. Dalam perbicaraan peringkat awal di Mahkamah Sesyen, Perayu telah diarahkan oleh mahkamah untuk memadamkan gambar-gambar tersebut. Perayu kemudiannya mengemukakan rayuan di Mahkamah Tinggi. Hakim Faiza Tamby Chik dalam kes ini menyatakan:

“...English Common Law does not recognise the privacy rights; therefore invasion of privacy rights does not give right to a cause of action. Since English Common Law, pursuant to Section 3 of the Civil Law Act 1956, is applicable in Malaysia, privacy rights which is not recognised under English Law is accordingly not recognised under Malaysian Law...”

Dengan merujuk kepada Common Law Inggeris yang terpakai di Malaysia menerusi Seksyen 3 Akta Undang-undang Sivil 1956, rayuan Perayu ini dibenarkan dan keputusan Mahkamah Sesyen diketepikan. Mahkamah menegaskan bahawa tindakan pelanggaran privasi tidak boleh dibawa sebagai tuntutan di negara ini melainkan kandungannya sangat bersalah dari segi sifatnya dan menyebabkan seseorang berada dalam keadaan yang mengaibkan.

Dalam kes *Dr. Bernadine Malini Martin lwn MPH Magazines Sdn Bhd dan Lain-lain [2004] MLJU 739*, perayu adalah seorang pegawai perubatan yang berkhidmat dengan kerajaan dan Responden adalah penerbit majalah yang telah menyiarkan gambar perayu dalam gaun pengantin untuk tujuan iklan promosi perkahwinan tanpa kebenaran Perayu. Perayu mengambil tindakan fitnah atas alasan iklan tersebut menggambarkan dirinya sebagai seorang wanita yang rendah akhlak, seorang doktor yang tidak berjaya dan terpaksa menjadi model sambilan untuk menampung kehidupan. Mahkamah memutuskan bahawa iklan tersebut adalah dalam konteks promosi gaun pengantin dan tidak ada kaitan dengan apa-apa aktiviti tidak bermoral oleh Perayu. Oleh yang demikian tuntutan berkaitan fitnah gagal dibuktikan. Mahkamah berpendapat sungguhpun adalah salah dari segi moral dan etika untuk menyiarkan gambar Perayu tanpa kebenarannya dan wujud pelanggaran privasi dalam kes ini, namun ianya

bukanlah suatu perbuatan yang boleh diambil tindakan menurut undang-undang di negara ini.

Walaubagaimanapun pendirian mahkamah didapati berbeza dalam kes *Lee Ewe Poh lwn Dr Lim Teik Man & Seorang lain [2011] 1 MLJ 835*. Dalam kes ini, Plaintiff mengalami masalah buasir dan telah mendapatkan rawatan mengenainya daripada Defendan 1. Plaintiff kemudiannya dimaklumkan oleh seorang jururawat hospital bahawa Defendan 1 telah mengambil gambar-gambar bahagian sulit Plaintiff semasa prosedur rawatan dijalankan. Sehubungan itu, Plaintiff membawa tindakan pelanggaran privasi terhadap Defendan 1. Mahkamah memutuskan bahawa bahagian sulit seseorang wanita mestilah dihormati dan tidak diceroboh sewenang-wenangnya. Kegagalan melakukan tindakan sedemikian oleh doktor yang merawat Plaintiff adalah merupakan pelanggaran privasi ataupun *breach of trust* dan juga *breach of confidence*. Tuntutan pelanggaran privasi oleh Plaintiff dibenarkan oleh mahkamah dan memori kad yang mengandungi gambar-gambar tak sepatutnya itu diarahkan oleh mahkamah untuk dilupuskan.

Dalam kes *Lew Chew Phow & Lain-lain lwn Pua Yong Yong & Seorang Lain [2009] 1 LNS 1256*, Plaintiff-plaintif, yang mendiami sebuah rumah di Skudai, Johor telah memfailkan tindakan pelanggaran hak privasi terhadap jirannya, Defendan kerana memasang beberapa CCTV di kediamannya dan salah sebuah kamera CCTV berkenaan menghadap dan merakamkan bahagian depan rumah Plaintiff-plaintif. Plaintiff-plaintif mendakwa mereka telah diintip dan hak privasi mereka telah dicerobohi oleh Defendan. Defendan sebaliknya mendakwa pemasangan CCTV berkenaan dibuat adalah semata-mata bagi tujuan keselamatan. Plaintiff-plaintif memohon injunksi interim terhadap Defendan memohon supaya CCTV tersebut ditanggalkan. Mahkamah menolak permohonan berkenaan dengan alasan bahawa Tort pelanggaran privasi tidak diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia. Walaubagaimanapun, Mahkamah Tinggi kemudiannya membenarkan CCTV tersebut ditanggalkan. Hakim Vernon Ong dalam membenarkan permohonan tersebut menjelaskan tentang ujian bagi menentukan berlakunya pelanggaran privasi dengan menyatakan:

“Arising from this case are two competing values; safety and privacy. Does the Defendants’ fear for their safety and security override the right to privacy of the Plaintiffs? Does the CCTV surveillance constitute an intrusion or interference with Plaintiffs’ right to respect for their private and family life and their home? Is the CCTV surveillance an unreasonable intrusion upon the privacy of the plaintiffs? Ultimately this is a question of balance between the rights of the owner of the CCTV camera (the defendants) and the CCTV camera’s target (the Plaintiffs).”

Yang Arif Hakim selanjutnya menegaskan bahawa beban imbang antara dua hak berkenaan terletak kepada Plaintiff. Ini kerana hak terhadap privasi adalah hak asas iaitu hak untuk Plaintiff menikmati kehidupan peribadi untuk dirinya sendiri, keluarga dan kediaman dan sewajarnya hak asas ini dihormati oleh Defendan.

Mahkamah selanjutnya mengiktiraf hak terhadap privasi ini melalui kes *Maslinda Ishak lwn Mohd Tahir Osman dan Lain-lain [2009] 6 MLJ 826* dimana Plaintiff telah diberikan sejumlah ganti rugi atas pelanggaran privasi yang dilakukan ke atas dirinya oleh Defendan sehingga menyebabkan dirinya dihina, trauma dan mengalami penderitaan mental. Defendan didapati telah mengaibkan Plaintiff apabila merakamkan gambar-gambar Plaintiff sedang membuang air kecil tanpa keizinan Plaintiff. Tindakan Defendan ini juga merupakan suatu

kesalahan jenayah yang boleh didakwa menurut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang menyatakan:

“Barang siapa dengan maksud hendak mengibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Bagi tindakan jenayah di bawah peruntukan Seksyen 509 Kanun Keseksaan ini, Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman penjara 4 bulan terhadap Mohd Tahir yang merakamkan gambar mengaibkan Maslinda setelah beliau mengaku bersalah menyalahgunakan kuasanya sebagai anggota agensi penguatkuasaan dan bertujuan mengaibkan mangsa. Mahkamah juga turut memerintahkan agar gambar-gambar tersebut dilupuskan (Chen Mei Ling, 2003).

Dalam kes pencerobohan privasi model terkenal Nasha Aziz, *PP lwn Ahmad Bakhtiar Abdul Kayoom*, seorang pengurus selenggara, telah dihukum penjara 6 bulan selepas gagal dalam rayuan terakhirnya untuk mengenepikan sabitan atas kesalahan menceroboh dan memasang kamera litar tertutup di apartmen sewaan Nasha. Dia telah di dakwa di bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan atas kesalahan menceroboh dan di bawah Seksyen 509 bagi kesalahan mengaibkan seseorang. Mahkamah dalam kes tersebut menegaskan bahawa perbuatan menceroboh hak peribadi dan maruah seseorang adalah merupakan kesalahan yang serius (the star.com.my, 2008).

PENUTUP

Kemajuan teknologi pada masa kini tidak dinafikan membawa banyak kebaikan kepada masyarakat secara umumnya. Maklumat dapat diperolehi dengan pantas, aktiviti-aktiviti penting dalam kehidupan dapat diselesaikan dengan mudah, kos perbelanjaan dalam perniagaan dapat diminimumkan dan sebagainya. Namun, disebalik semua faedah dan kebaikan tersebut, dilemma timbul dalam melindungi hak persendirian atau privasi yang cenderung untuk dimanipulasi oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab. Kecenderungan masyarakat untuk berkongsi maklumat, menjadikan satu-satu perkara *viral*, menjadi pihak pertama yang berkongsi berita tanpa batasan adalah sebahagian daripada punca berlakunya kes-kes pelanggaran hak privasi dalam kalangan masyarakat.

Secara umumnya, hak terhadap privasi meliputi hak untuk bersendirian (*right to be left alone*), hak untuk mengawal maklumat peribadi seseorang dan hak untuk melindungi maruah dan autonomi seseorang. Terdapat tiga keadaan pelanggaran hak privasi yang lazimnya menjadi pertikaian iaitu pelanggaran hak privasi fizikal seperti kebebasan dari siasatan secara tak sah di sisi undang-undang, pendedahan maklumat peribadi dan sulit misalnya rekod kesihatan dan pengawasan secara berlebihan (*excessive surveillance*) seperti pengawasan CCTV dan sebagainya. Di Malaysia, sungguhpun hak terhadap privasi tidak dinyatakan secara khusus dalam Perlembagaan Persekutuan dan mana-mana perundangan lain, mahkamah berbeza pandangan samada hak ini boleh dikuatkuasakan. Perlindungan undang-undang berhubung pelanggaran hak privasi diperolehi secara tak langsung hasil aplikasi beberapa konsep undang-undang seperti Tort dan Jenayah. Apa yang jelas, telah terdapat satu

perundangan melindungi keselamatan data peribadi untuk tujuan komersial iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Pelanggaran hak privasi yang melibatkan kehormatan seseorang pula akan diambil tindakan di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan. Terdapat juga peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang melarang perlakuan atau kesalahan berkaitan kandungan bahan yang palsu, mengaibkan, tidak senonoh, mengancam dan sebagainya dengan niat untuk menyalahguna, mengancam, atau memalukan mana-mana orang. Sekali lagi pemakaian Akta ini hanyalah terhad bagi kandungan bahan yang menyalahi undang-undang dan bukanlah secara khususnya menjamin perlindungan undang-undang daripada sebarang bentuk pencerobohan privasi.

Perkembangan undang-undang perlindungan hak privasi di England memperlihatkan bahawa mahkamah mula menerima perlakuan penyalahgunaan maklumat peribadi sebagai sesuatu yang melanggar hak untuk privasi dalam Perkara 8 Konvensyen. Dalam kebanyakan kes yang di bawa ke mahkamah, imbangan perlu dilakukan bagi menentukan kewajipan menghormati hak privasi dengan kebebasan untuk menyatakan pandangan. Dengan perkembangan teknologi yang sangat pantas dan gaya hidup moden masa kini, penemuan pelbagai isu baru dalam undang-undang berkaitan privasi mewajarkan untuk suatu perundangan yang khusus dan menyeluruh diwujudkan.

Pelbagai aspek aspek privasi memerlukan peruntukan undang-undang yang jelas dan komprehensif seperti dalam isu hak pekerja dalam menjalankan tugas yang berkaitan dengan privasi perlu diberi perhatian oleh majikan. Begitu juga dengan pertembungan kuasa untuk menjalankan siasatan oleh pihak berkuasa dengan hak privasi individu yang disiasat sepetimana dalam kes *Teoh Beng Hock*, di mana dalam kes ini laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja merumuskan Teoh melakukan bunuh diri berpunca daripada tekanan akibat soalsiasat (dipaksa mendedahkan maklumat berkaitan emel peribadi dan komputer) yang agresif, intensif dan berterusan oleh pihak SPRM.

Mungkin juga telah tiba masanya untuk pihak media di negara ini mengambil perhatian serius berkaitan hak kebebasan mengeluarkan pendapat mereka dalam melaporkan apa-apa berita. Tidak mustahil pada masa akan datang Malaysia juga mengalami situasi seperti di United Kingdom di mana kebanyakan kes pelanggaran privasi adalah melibatkan tindakan terhadap pihak media. Begitu juga hak dan perlindungan undang-undang terhadap golongan bloggers dan pemberian *superinjunction* sebagai suatu perintah menghalang apa-apa laporan terperinci kes mahkamah untuk disiarkan kepada pengetahuan umum. Di United Kingdom, *superinjunction* telah diperintahkan oleh mahkamah dalam kes skandal hubungan sulit melibatkan bintang bola sepak terkenal John Terry dan Michael Owen. Secara umumnya, terdapat keperluan untuk mewujudkan satu perundangan yang spesifik dan komprehensif berkaitan privasi bagi memastikan perlindungan undang-undang yang berkesan dan relevan dengan perkembangan semasa.

RUJUKAN

Akta Perlindungan Data Peribadi Berkuatekuasa 15 November – Ahmad Shabery. (26 November 2013). *mstar.com.my*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/11/26/akta-perlindungan-data-peribadi-berkuatkuasa-15-november--ahmad-shabery>. (7 September 2020)

- Bekas Permaisuri Agong Fail Saman ke atas Uncle Seekers. (3 Disember 2010). *mstar.com.my*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/12/03/bekas-permaisuri-agong-fail-saman-ke-atas-uncle-seekers>. (7 September 2020)
- Carter-Ruck P. F. (1990). The Calcutt Report of the Committee on Privacy and Related matters. 15 International Legal Pract. 72, [\(10 September 2020\)](https://heinonline.org/HOL/LandingPage?handle=hein.journals/ilp15&div=31&id=&page=)
- Chen Mei Ling. (26 April 2003). GRO sues over ‘urinating photo’, *The Star*.<https://www.thestar.com.my/news/nation/2003/04/26/gro-sues-over-urinating-photo>. (2 September 2020).
- Dr Chua Soi Lek admits to being man in sex DVD. (2 Januari 2008). *The Star*. *Thestar.com.my*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2008/01/02/dr-chua-soi-lek-admits-to-being-the-man-in-sex-dvd> (10 September 2020)
- Elliot C & Quinn F. (2015). *Tort Law*.10th Edition.United Kingdom: Pearson Education Limited
- Finn R.L, Wright D. & Friedewald M. (2013). *Seven Types of privacy*. European Data Protection Coming of Age. Springer. researchgate.net/publication.(10 September 2020)
- Gavin Phillipson. (2003). Transforming Breach of Confidence? Toward a Common Law Right of Privacy Under the Human Rights Act. *Modern Law Review* Vol 66, Issue 5. Hlm 726-758.
- Giliker P (. 2017). *Tort*. 6th Edition. London: Thomas Reuters.
- Glancy D.J. (1979). The invention of the Right to Privacy. *Arizona Law Review*. Vol 21, No.1.hlm 1-39.
- Head T. (2019). Where Did the Right to Privacy Come From?,Constitutional Merits and Congressional Acts. (28 Oktober 2019). <https://www.thoughtco.com/right-to-privacy-history-721174>. (4 September 2020).
- Horsey K. & Erika Rackley E. (2019). *Tort Law*, 6th Edition. United Kingdom: Oxford University Press.
- Kohilah Sekaran. (24 Ogos 2015). Tindakan Doktor rakam selfie dengan ibu bersalin undang Kemarahan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tindakan-doktor-rakam-selfie-dengan-ibu-bersalin-undang-kemarahan>. (7 September 2020)
- Macmillan Dictionary. www.macmillandictionary.com (25 Ogos 2020)
- Mazmalek Mohamad. (11 November 2016). Seimbang Keperluan Privasi, Keselamatan. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/11/211577/seimbang-keperluan-privasi-keselamatan> (2 September 2020)
- OECD work on privacy. Organisation for Economic Co-operation and Development. [Oecd.org/sti/ieconomy/privacy.htm](https://oecd.org/sti/ieconomy/privacy.htm). (2 September 2020).
- Salleh Buang.(1 Mac 2019). Urgent need for a privacy act. *New Straits Times online*. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2019/03/465152/urgent-need-privacy-act>. (12 September 2020)
- Sinta Dewi Yustisia, (2016). Konsep Perlindungan Hukum Atas Privasi dan Data Peribadi Dikaitkan dengan Penggunaan Cloud Computing Di Indonesia. *Yustisia Jurnal Hukum*.Vol 15, No.1 Januari- April 2016. <https://jurnal.uns.ac.id/yustisia/article/view/8712>
- Zahari Mahad Musa. (2013). Privasi Rumah Kediaman dalam Perundangan Islam Sebagai Langkah Pencegahan Kepada Keganasan Domestik.*Jurnal Perspektif* Jilid 5 Bil 1 hlm 53-65.

Rujukan Statut

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
Kanun Keseksaan.
Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Rujukan Kes

- Argyll lwn Argyll* (1967) Ch 302
Attorney General lwn Guardian Newspapers Ltd [No.2] [1990] 1 AC 109
Campbell lwn Mirror Group Newspapers [2004] AC 457
Coco lwn A N Clark (1969) RPC 41.
CTB lwn News Group Newspapers [2011] All ER [D] 183
Dr. Bernadine Malini Martin lwn MPH Magazines Sdn Bhd dll [2004] MLJU 739
Douglas lwn Hello! Ltd (No.3) [2005] EWCA 595
Griswold lwn Connecticut (1965) 381 U.S 479
Katz lwn United States (1967) 389 U.S 432
Kaye lwn Robertson [199] F.S.R 62
Lawrence lwn Texas (2003) 539 U.S 558
Lee Ewe Poh lwn Dr Lim Teik Man & Seorang lain [2011] 1 MLJ 835
Lew ChewPhow & Lain-lain lwn Pua Yong Yong & Seorang lain [2009] 1 LNS 1256
Maslinda Ishak lwn Mohd Tahir Osman dll [2009] 6 MLJ 826
McKennitt lwn Ash [2008] QB 73
Murray lwn Express Newspapers plc (2008) 3 WLR 1360
Roe lwn Wade (1973) 410 U.S 113.
Sivarasa Rasiah lwn Badan Peguam Malaysia & Anor [2010] 3 CLJ 507
Terry lwn Persons Unknown (2010) EMLR 16
Ultra Dimension Sdn Bhd lwn Kook Wei Kuan [2001] MLJU 751.
Van Hannover lwn Germany (No.2) (2012) 55 E.H.R.R 15
Vidal-Hall and Others lwn Google Inc [2014] EWHC 13